

# Penjaja Bazaria Wangsa Maju bakal diberi lesen, tapak baharu

**PETALING JAYA** – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melakukan pemutihan terhadap 165 penjaja tanpa lesen di Bazaria Wangsa Maju.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, langkah itu diambil bagi membolehkan kesemua penjaja terbabit ditawarkan lesen melalui inisiatif Lestari Niaga.

Bagaimanapun, kata beliau, program pemutihan tersebut ter takluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

“Mereka yang telah diberi lesen untuk kembali berniaga kelak akan ditempatkan semula di kawasan gerai berlesen Bazaria Wangsa Maju atau di mana-mana lokasi berdekatan.

“Pihak Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) komited untuk memastikan penjaja yang berdaya saing di Kuala Lumpur diberi peluang melalui inisiatif Lestari Niaga untuk meneruskan perniagaan mereka secara sah dengan tapak gerai yang lebih kondusif dan berstruktur,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dr. Zaliha berkata, perobohan ke atas 165 tapak penjaja tanpa lesen di Bazaria Wangsa Maju dilakukan kerana telah menimbulkan polemik kepada peniaga berlesen di tapak sedia ada.

Ia termasuk menimbulkan kacau ganggu seperti gangguan aliran trafik juga penggunaan air dan elektrik yang diambil dari sumber yang tidak sah.

“Kapasiti tapak sementara Bazaria Wangsa Maju pada masa ini mampu menempatkan 500 tapak untuk peniaga berlesen,” katanya.



**SERAMAI 165 penjaja tanpa lesen di Bazaria Wangsa Maju, Kuala Lumpur bakal ditawarkan lesen melalui inisiatif Lestari Niaga.**